

TEMA PMPT (2017-2019): MENJADI PENGIKUT YANG MEMILIKI PENGHARAPAN

TEMA KEUSKUPAN MELAKA JOHOR (2016-2020): GEREJA SEBAGAI KOMUNITI KELUARGA

SUB TEMA JANUARI: ANUGERAH KERAJAAN ALLAH.

PENGENALAN: "Adalah benar: Harapan Allah! (Rm 15:13).Semoga Allah yang memberi kamu harapan, memenuhi hati kamu dengan kegembiraan dan kedamaian kerana kamu percaya kepada-Nya, supaya dengan kuasa Roh Allah kamu semakin berharap kepada Allah.

LAGU PEMBUKAAN: MARI MASUK GERBANG-NYA


Mari masuk gerbangNya, Dengan hati bersyukur
HalamanNya dengan pujian, Penuhi baitNya
Dengan nyanyian syukur, hadiratNya p'nuh sukacita

Cho:

S'bab Tuhan,Dia baik

Dan anug'rahNya kekal Selama-lamanya....Amin....2x

DIALOG:



Sebuah Keluarga sedang membicarakan gambar di atas.

Anak lelaki: Ayah kenapa semua orang memikul salib?

Ayah: Ya, kita semua harus memikul salib.

Anak perempuan: Ayah, salib itu sangat berat, dia harus memotong beberapa bahagian supaya jadi lebih ringan untuk dipikul.

Ibu: Lihat! Lelaki itu sudah sampai ke gaung dan gagal meletakkan salib itu merentangi gaung oleh kerana salibnya terlalu pendek. Orang lain boleh menggunakan salib mereka untuk menyeberangi gaung itu.

Ayah: Adalah penting untuk menghadapi kesukaran walaupun di masa yang sukar.

Kesakitan- kesakitan kecil yang kita lalui dalam kehidupan kita akan memberikan kekuatan, kita bertumbuh dalam kematangan dan perhubungan dengan Allah.

Ibu: Anak-anak, benar kata ayah kamu kadang-kadang ibu selalu merungut ketika kesukaran datang. Oleh itu, ibu berdoa kepada Allah memohon diberikan kekuatan dan ibu menemui jalan penyelesaian di setiap kesukaran itu. Allah sentiasa menolong ibu dan ibu sangat berterima kasih kepada-Nya.

Berbincang dengan teman di sebelah anda. Dan bincang sekali lagi dengan teman yang lain.

- ***Kongsikan perasaan kamu ketika merenungkan gambar di atas secara lebih mendalam.***
- ***Kongsikan bagaimana kamu menghadapi percubaan dan kesukaran di dalam kehidupan harian kamu?***

PENDALAMAN:

TEKS ALKITAB: ROMA 5:1-5

1. Memohon kepada Roh Kudus
(*Terbuka bertemu dan ditemui oleh Kristus...*)
2. Membaca teks sebanyak dua atau tiga kali
(atau menggunakan lukisan, gambar, lakonan, video...)
3. Resapi Sabda Allah dalam keheningan
4. Apakah perkataan atau frasa yang menarik perhatian anda?
5. Apakah yang dikatakan oleh Roh Kudus kepada saya?

TINDAKAN:

- a) Kongsikan dalam kumpulan perkara no. 4+5
- b) Kongsikan HANYA 2 atau 3 perkara utama dalam kumpulan besar
- c) Fasilitator mengarah kumpulan untuk SATU tugas yang perlu dilakukan. (Hening seketika untuk mengamati tugas).
- d) Fasilitator membantu kumpulan mengerjakan beberapa perkara untuk tugas yang dipilih. (Tugas / projek KED yang dijalankan yang akan membawa harapan kepada orang lain)
- e) Meluangkan masa untuk doa dalam keheningan. (Keperluan orang dalam masyarakat, tugas yang telah diputuskan)

Nota untuk fasilitator:

- 1. Menggunakan cara-cara kreatif / alternatif dalam menjalankan tugas.
- 2. Perlu diingat tema, dan apa yang berlaku di dalam Dialog dan bahagian Pengamatan sebagai panduan.
- 3. Perlu diingat 4'E'[Encountered, Empowered, Enlightened, Evangelising; *Pertemuan, Pemberian kuasa, Kesedaran@ Pencerahan, , Penginjilan*)
- 4. Anda bebas untuk merumuskan proses 3D (Dialog, Pendalaman, Tindakan) supaya ia relevan dan bermakna kepada komuniti kecil anda.

LAGU PENUTUP: KAU YANG TERINDAH

Kau yang terindah, Di dalam hidup ini
Tiada Allah Tuhan yang seperti Engkau
Besar perkasa penuh kemuliaan

Kau yang termanis, Di dalam hidup ini
Ku cinta Kau lebih dari segalanya
Besar kasih setia-Mu kepadaku

**Cho: Ku sembah Kau ya Allahku, Ku tinggikan nama-MU selalu
Semua lidahkan mengaku, Engkaulah Yesus Tuhan Rajaku**

**Ku sembah Kau, ya Allahku, ku tinggikan nama-Mu selalu
Semua lututkan bertelut, menyembah Engkau Yesus Rajaku**